

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli**

**SOALAN :** Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam menangani isu racun rumput yang menyebabkan sesak nafas di kalangan petani.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Semua racun makhluk perosak (RMP) termasuk racun rumput berpotensi untuk membahayakan kesihatan dan boleh menyebabkan keracunan jika tidak dikendalikan dengan betul dan berhemah. Penggunaan RMP dalam pengeluaran hasil tanaman tidak dinafikan memberi kesan sampingan kepada manusia dan alam sekitar sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Untuk menangani masalah ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menerusi Jabatan dan Agensi di bawahnya mempunyai program latihan yang khusus untuk membimbing petani dari segi kepakaran teknikal dan pemindahan teknologi bagi penggunaan RMP

secara berhemah dan selamat. Aktiviti pengembangan dan latihan ini dilaksanakan secara berterusan oleh Agen Pengembangan Kawasan (APK) yang berkhidmat di peringkat akar umbi bagi golongan petani.

Selain itu, khidmat nasihat turut diberikan kepada para petani untuk mengambil langkah keselamatan semasa mengendalikan RMP seperti berikut :

- i. menggunakan RMP yang berdaftar di bawah Akta RMP 1974. Setiap RMP yang berdaftar telah dinilai dari segi kualiti, keberkesanan, residu, toksikologi dan keselamatan kepada pengguna dan alam sekitar;
- ii. menggunakan RMP mengikut arahan keselamatan pada label;
- iii. memakai Pakaian Pelindung Diri untuk melindungi bahagian badan yang terdedah kepada tumpahan RMP serta mengelakkan risiko terhadu wasap semburan atau debu racun perosak semasa membancuh dan mengaplikasi RMP. Pakaian Pelindung Diri yang lengkap adalah seperti :
  - a) Sarung tangan getah;
  - b) Penutup mulut dan hidung;
  - c) Pelindung mata (*goggle*); dan
  - d) Baju lengan panjang dan seluar panjang.